

22/05/1999

PM arah jentera BN diperkemas

Daud Awang

JOHOR BAHRU, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengarahkan semua jentera pilihan raya Barisan Nasional (BN) di setiap negeri diperkemas untuk menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Setiausaha Agung BN, Datuk Seri Mohamed Rahmat, berkata walaupun Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN tidak menyebut tarikhnya, namun persiapan rapi perlu dilakukan mulai sekarang sebagai persiapan menghadapi pilihan raya umum itu.

Menurutnya, Dr Mahathir mahu setiap negeri memperkemas jentera pilihan raya masing-masing bagi menjamin dan memastikan BN terus memerintah selepas pilihan raya umum itu.

"Persiapan yang baik dan rapi adalah sebahagian daripada kemenangan. Oleh itu, Dr Mahathir mahu setiap parti komponen BN perlu bersedia dan memperkemas jentera pilihan raya masing-masing.

"Setakat ini, Perdana Menteri berpuas hati dengan persiapan yang dibuat oleh komponen BN di Johor," katanya selepas menghadiri majlis perjumpaan Perdana Menteri dengan pemimpin BN Johor di Hotel Eden, di sini, hari ini.

Perjumpaan itu turut dihadiri Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri yang juga Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman; Presiden MCA yang juga Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Timbalan Presiden MIC yang juga Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk S Subramaniam.

Terdahulu, Dr Mahathir dalam rangka lawatan kerja dua hari ke Johor turut mengadakan perjumpaan tertutup dengan ahli jawatankuasa Badan Perhubungan Umno negeri, ahli dan ketua jawatankuasa bahagian, Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno negeri di tempat yang sama.

Perdana Menteri kemudian menunaikan solat Jumaat di Masjid Felde Taib Andak sebelum menyampaikan amanatnya di majlis Pemimpin Bersama Rakyat di padang Sekolah Kebangsaan Pengeli Timur, Kota Tinggi sebelum berlepas pulang pada petangnya.

Dalam pilihan raya umum pada 25 dan 26 April 1995, BN memperolehi lebih dua pertiga majoriti kerusi Parlimen iaitu 161 kerusi berbanding tujuh yang dimenangi Pas, DAP (9) dan Semangat 46 (6).

Bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) pula, BN memperolehi 338 kerusi diikuti Pas (33), DAP (11) dan Semangat 46 (12). Di Johor, BN menyapu bersih 20 kerusi Parlimen dan 40 kerusi DUN.

Sehubungan itu, Mohamed berkata Dr Mahathir turut menekankan perlunya perpaduan pelbagai kaum dikekalkan agar negara aman, makmur dan terus membangun.

Menurutnya, perpecahan di kalangan rakyat hanya akan menguntungkan pihak luar yang sengaja ingin mengambil kesempatan di atas kelemahan rakyat negara ini.

"Oleh itu, Perdana Menteri berharap sikap toleransi, perpaduan dan kerjasama antara kaum perlu dikekalkan ke arah masa depan negara cemerlang," katanya.

(END)